

198 4 OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN MAHATHIR - AMARAN  
CANBERRA, 10 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD  
HARI INI MENEGASKAN TENTANG BAHAYANYA MENJADIKAN REPUBLIK RAKYAT  
CHINA SEBUAH KUASA YANG + KUAT DAN MAJU, + TERUTAMA KEPADA  
NEGARA-NEGARA DI RANTAU ASIA TENGGARA.

BELIAU BERKATA + SEBUAH NEGARA CHINA YANG KUAT DAN MAJU DENGAN  
KEKUATAN KETENTERAANNYA DAN JUMLAH BESAR PENDUDUK MUNGKIN MENDORONG  
PARA PEMIMPINNYA BERKEMBANG KE SELATAN, KHUSUSNYA KE ASIA TENGGARA. +

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB SOALAN  
BERHUBUNG DENGAN PENDAPAT MALAYSIA MENGENAI HUBUNGAN YANG BERTAMBAH  
ERAT ANTARA NEGARA-NEGARA MAJU SEPERTI AMERIKA SYARIKAT DAN  
AUSTRALIA, DI MAJLIS MAKAN TENGAH HARI BAGI MERAIKAN BELIAU OLEH  
KELAB AKHBAR KEBANGSAAN DI SINI.

BELIAU DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH KINI DALAM  
RANGKALAMATAN RASMI ENAM HARI KE AUSTRALIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUH PUN MALAYSIA BIMBANG  
DENGAN KEMUNGKINAN VIETNAM BERKEMBANG LANJUT BERIKUTAN PENAKLUKAN  
KAMPUCHEA, ANCAMAN JANGKA PANJANG -- SEBENAR MASIH CHINA KOMUNIS, ATAS  
SEBAB POLITIK DAN SEJARAH.

+ KATA-KATA YANG DILAFAZKAN OLEH PUCUK PIMPINAN CHINA SEKARANG  
MENENTANG HEGEMONI TIDAK SEMESTINYA BERMAKNA MEREKA TELAH MENOLAK  
IDEA HEGEMONI, + HA-TANYA.

+ SEKIRANYA PUCUK PIMPINAN YANG SAMAINI BOLEH BERPALING TADAH  
DAN MENGHULURKAN TANGKAP PERSAHABATAN KEPADA NEGARA-NEGARA YANG  
DULUNYADI ANGGAP MUSUH, TIDAK ADA, JAMINAN KEPIMPINAN MASA DEPAN  
NEGARA TERSEBUT TIDAK AKAN MEMBALIKKAN PENDIRIAN ITU, + TAMBAHNYA. --

MAHATHIR-AMARAN 2 CANBERRA

PERDANA MENTERI BERKATA YANG LEBIH MEMBIMBANGKAN LAGI IALAH  
HAKIKAT BAHAWA TIDAK SESIAPA FUN MENGETAHUI, CORAK KEPIMPINAN CHINA  
PADA MASA DEPAN.

SEPERTI KEADAANNYA SEKARANG, BEIJING TELAH GAGAL MENARIK  
SOKONGAN POLITIKNYA KEPADA PELBAGAI GERAKAN SAVERSIF DI ASIA  
TENGGARA TERMASUK PARTI KOMUNIS MALAYSIA APABILA KEBANYAKAN  
ANGGOTANYA IALAH KETURUNAN CINA.

BELIAU BERKATA, ORANG-ORANG INI WALAUPUN KECIL BXLANGANNYA  
TETAPI BEKERJA KERAS UNTUK MENGGULINGKAN KERAJAAN YANG DIPILIH  
DENGAN CARA DEMOKRASI SECARA PAKSAAN.

DENGAN SEBAB ITULAH, KERAJAAN MALAYSIA TIDAK LANGSUNG BERHASRAT  
HENDAK MEMANSUHKAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) DAN HUKUMAN  
MATINYA YANG DIKECAM HEBAT OLEH PIHAK-PIHAK YANG TERTENTU.

+ KAMI TERPAKSA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN YANG KETAT  
UNTUK MELINDUNGINYA SEBILANGAN BESAR ORANG-ORANG YANG TIDAK  
BERDOSA, KAMI TIDAK BERASA KESAL TERHADAP PERKARA INI, + TEGASNYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK  
AKAN MEMBANTAH LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH MANA-MANA NEGARA  
UNTUK MENGUKUHKAN HUBUNGAN EKONOMINYA DENGAN CHINA.

INI TERUTAMANYA PERLU DILAKUKAN MEMANDANGKAN CHINA DENGAN  
PENDUDUKNYA LANG RAMAI AKAN TERUS MENJADI PASARAN EKSPORT YANG  
MENARIK PERHATIAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETAHUNYA, PENINGKATAN HUBUNGAN  
AUSTRALIA DENGAN CHINA TERUTAMANYA BERKISAR KEPADA PERDAGANGAN, MAKA  
TIDAK ADA ALASAN BAGI MALAYSIA HENDAK MEMANDANG BERAT PERKARA ITU. --  
LAGI

2157HST 10 08 84

## MAHATHIR - AMARAN 3 CANBERRA

+ JIKA TIDAK AUSTRALIA, ADA LAIN NEGARA YANG AKAN BERBUAT DEMIKIAN. MALAYSIA SENDIRI BERMINAT DENGAN PASARAN CHINA, + KATANYA. I SAYA DIBERITAHU JIKA KAMI DAPAT MEMUJUK SETIAP RAKYAT CHINA MEMAKAN SESUDU MINYAK SAWIT SEHARI, KAMI AKAN MENJADS SEBUAH NEGARA YANG KAYA DALAM MASA YANG SINGKAT, + KATANYA.

MENGENAI VIETNAM, PERDANA MENTERI YAKIN AKAN TIBA MASANYA BILA VIETNAM TIDAK LAGI BERUPAYA MENYARA BALATENTERANYA DI KAMPUCHEA DAN AKAN NAMPAK KEBAIKAN PENDIRIAN ASEAN ATAS ISU TERSEBUT.

BELIAU BERKATA MALAYSIA DAN JUGA ASEAN TIDAK MEMPUNYAI RUMUSAN TERTENTU BAGI MENYELESAIKAN KONFLIK ITU SELAIN PENYELESAIAN POLITIK YANG DIRUNDINGKAN SEPERTI YANG DIHURAIKAN DALAM RAYUAN BERSAMA YANG DIUMUMKAN RI NEW YORK SEPTEMBER LALU DAN KENYATAAN ASEAN PADA 9 JULAI TAHUN INI.

I SAYA YAKIN APABILA TIBA MASANYA, BOLEHLAH KITA BERCAKAP TENTANG RUMUSAN TERTENTU, + KATANYA:

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYIFATKAN SEBAGAI TIDAK KENA PADA MASANYA TAWARAN AUSTRALIA UNTUK MENGANJURKAN RUNDINGAN ANTARA VIETNAM DAN LAOS DAN ASEAN MENGENAI KAMPUCHEA.

TAWARAN ITU YANG DIBUAT DI MESYUARAT TERAKHIR PARA MENTERI LUAR ASEAN DI JAKARTA TELAH DITOLAK. -- LAGI

## MAHATHIR - AMARAN 4 CANBERRA

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJAWAH SOALAN-SOALAN MENGENAI PELAJARAN, ANTARTIKA DAN HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA.

TENTANG PELAJARAN, BELIAU BERKATA ADALAH MENJADI HASRAT MALAYSIA BERDIKARI DALAM BIDANG ITU.

TETAPI, IA MEMERLUKAN MASA UNTUK MENGADAKAN KEMUDAHAN PELAJARAN YANG MENCUKUPI BAGI KAUM MUDA MUDINYA YANG BEGITU GHAIRAH MENGEJAR PENGAJIAN TINGGI HINGGA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENAMPUNGNYA.

+ MENDIRIKAN SEBUAH UNIVERSITI BUKANLAH SUKAR, TETAPI KAMI MEMERLUKAN MASA UNTUK MENYEDIAKAN TENAGA PENCAJAR DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN, + KATANYA.

BELIAU BERKATA SEHINGGA ITU, MALAYSIA TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA NEGARA-NEGARA SAHABAT UNTUK MENYEDIAKAN, PELUANG PELAJARAN KEPADA PELAJARNYA;

BUAT MASA INI, BILANGAN PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT TERMASUK AUSTRALIA, AMERIKA SYARIKAT DAN BRITAIN MELEBIHI JUMLAH YANG MENUNTUT DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MALAYSIA SENDIRI.

TERDAHULU ITU, DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGARISITUMPUAN SEKARANG DASAR LUAR MALAYSIA TERMASUK USAHANYA KE ARAH KERJASAMA SERANTAU, RASA BIMBANGNYA ATAS PERSAINGAN ANTARA KUASA-KUASA BESAR DAN JUGA USAHANYA BAGI MENCAPAI KONSEP KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN) DI ASIA TENGGARA BERSAMA-SAMA RAKAN-RAKANNYA YANG LAIN DALAM ASEAN. -- BERNAMA